



## **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**FALSAFAH IBADAH HAJI**

**Tarikh Dibaca :**

**1 ZULHIJJAH 1443H/  
1 JULAI 2022M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

**FALSAFAH IBADAH HAJI**

1 ZULHIJJAH 1443H / 1 JULAI 2022

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي فَرَضَ الْحَجَّ إِلَى بَيْتِهِ الْحَرَامِ عَلَىٰ عِبَادِهِ، وَرَتَبَ عَلَىٰ ذَلِكَ جَزِيلَ الْأَجْرِ  
وَوَافِرِ الْإِنْعَامِ، وَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ وَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ خَرْجَ مِنْ دُنُوبِهِ كَيْوَمٍ وَلَدْتَهُ أَمَهٌ  
نَقِيًّا مِنَ الذُّنُوبِ وَالْأَثَامِ، وَالْحَجَّ الْمُبَرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ دَارُ السَّلَامُ، وَأَشَهَدُ  
أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامُ، وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ، وَصَفِيهُ مِنْ خَلْقِهِ، اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا وَحَسِينِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ  
الْخِيرَةِ الْأَمَاجِدِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ وَإِيمَانٍ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، إِتْقُوا اللّٰهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللّٰهُ جَلَّ وَعَلَا، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَقْوُنَ. قَالَ اللّٰهُ تَعَالَىٰ فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ،

﴿أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Saya mengingatkan diri dan sidang jemaah sekalian, marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya di samping berusaha mencari kehidupan

yang diberkati dan diredhai oleh Allah SWT. Mudah-mudahan kita berjaya menjadi insan yang beruntung di dunia dan di akhirat. Persiapkanlah bekalan yang secukupnya untuk diri dan ahli keluarga kita menuju ke hari akhirat dan ingatlah bahawa sebaik-baik bekalan itu ialah takwa. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**Falsafah Ibadah Haji**”.

Sebelum itu, khatib ingin menyeru kepada seluruh umat Islam untuk terus mengimarahkan masjid, melaksanakan amar ma'ruf dan nahi munkar serta memelihara hubungan silaturrahim. Selain itu, teruslah berwaspada dengan ancaman wabak penyakit seperti Covid-19 dan penyakit tangan, kaki, dan mulut (HFMD) serta penyakit-penyakit berjangkit yang lain. Jagalah kebersihan kerana ia juga merupakan salah satu tuntutan yang sangat besar dalam Islam.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Hari ini kita telah melangkah masuk ke Bulan Zulhijjah iaitu musim umat Islam dari seluruh pelusuk dunia pergi ke Makkah al-Mukarramah dan kawasan sekitarnya untuk menunaikan kefardhuan ibadat haji yang merupakan Rukun Islam yang kelima. Bulan Zulhijjah juga mempunyai kelebihannya yang tersendiri lebih-lebih lagi pada 10 hari pertamanya. Sabda Rasulullah SAW:

مَا مِنْ أَيَّامٍ الْعَمَلُ الصَّالِحُ فِيهَا أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ يَعْنِي أَيَّامَ الْعُشْرِ ، قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ؟ قَالَ : وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ، إِلَّا رَجُلٌ خَرَجَ بِنَفْسِهِ وَمَالِهِ ، فَلَمْ يَرْجِعْ مِنْ ذَلِكَ بِشَيْءٍ

**Maksudnya:** “Tiada hari-hari yang amalan soleh yang paling disukai oleh Allah untuk dilakukan melainkan hari-hari ini-baginda memasukkan: 10 hari terawal Zulhijjah-”. Para sahabat bertanya, “Wahai Rasulullah! Walaupun jihad pada jalan Allah tidak dapat menandinginya?” Baginda bersabda, “Walaupun jihad pada jalan Allah tidak dapat menandinginya, melainkan seorang lelaki yang keluar berjihad bersama hartanya, kemudian dia langsung tidak kembali”. (**Hadis riwayat Imam al-Bukhari, Ahmad, al-Tirmidzi, Abu Dawud dan Ibnu Majah**)

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ibadah Haji merupakan satu kewajipan yang telah ditentukan oleh Allah SWT ke atas setiap Muslim yang berkemampuan, sama seperti kewajipan mengerjakan Rukun Islam yang lain seperti solat, puasa dan zakat. Apa yang membezakannya dengan rukun Islam yang lain ialah ibadat haji wajib dikerjakan sekali sahaja seumur hidup. Perintah menunaikan ibadah haji ini termaktub dalam al-Quran melalui firman Allah SWT dalam Surah ali Imran, ayat 97:

فِيهِ ءَايَتُ بَيْنَتُ مَقَامُ إِبْرَاهِيمَ وَمَنْ دَخَلَهُ وَكَانَ ءَامِنًا وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ <sup>٩٧</sup>

**Maksudnya:** “Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya; di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim. Dan sesiapa yang masuk ke dalamnya aman tenteramlah dia. Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu **sesiapa yang mampu sampai kepadanya**. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk”.

Tuntutan wajib bagi menunaikan ibadat haji ke atas setiap umat Islam juga telah ditegaskan oleh Rasulullah SAW melalui sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Imam al-Nasa’ie yang berbunyi: “Rasulullah SAW pernah berkhutbah di hadapan kami dan berkata:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ، إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ عَلَيْكُمُ الْحَجَّ. فَقَامَ الْأَقْرَعُ بْنُ حَابِسٍ فَقَالَ: أَفِي كُلِّ عَامٍ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: "لَوْ قُتِّلَ أَهْلُ الْمَدِينَةِ لَجَاءُوكُمْ مَرَّةً، فَمَا زَادَ فَهُوَ تَطْعُمٌ"

**Maksudnya:** “Wahai sekalian manusia, telah difardukan haji ke atas kamu. Lalu al-Aqra’ bin Habis bangun bertanya: Wahai Rasulullah, adakah ibadah haji itu wajib pada tiap-tiap tahun? Rasulullah bersabda: Kalau aku katakan (begitu) ia akan jadi wajib, kalau wajib (setiap tahun) kamu tidak mampu menunaikannya. Haji yang wajib hanyalah satu kali sahaja, sesiapa yang tambah (lebih sekali haji) maka ia menjadi tatawwu (sunat)”.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesungguhnya setiap ibadah yang disyariatkan dalam Islam mengandungi falsafahnya yang tersendiri untuk dihayati dalam kehidupan. Begitu juga dengan ibadah haji. Antara falsafah ibadah haji ialah sebagai bukti keesaan dan keagungan Allah SWT. Tanda-tanda kekuasaan Allah SWT yang terkandung dalam ibadah haji sangat jelas dan tegas, sehingga penting untuk disaksi dan dipersaksikan kepada seluruh umat manusia.

Nabi Muhammad SAW telah menunaikan fardhu haji sekali semasa hayatnya. Haji itu dinamakan dengan ‘Hajjatul Wada’ kerana tidak berapa lama selepas pelaksanaan haji itu Baginda pun wafat. Semasa wuquf, terdapat beberapa peristiwa penting yang boleh dijadikan pegangan dan panduan umat Islam telah berlaku, antaranya turunnya ayat suci al-Quran dari Surah al-Maidah ayat 3 yang sebahagiannya berbunyi:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنِ

أَضْطُرَّ فِي مُخْصَّةٍ غَيْرِ مُتَجَاوِفِ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

**Maksudnya:** “Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang dia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah dia memakannya), kerana sesungguhnya Allah maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

Inilah nikmat terbesar yang dikurniakan oleh Allah SWT. Ajaran Islam yang sempurna tidak memerlukan kepada agama yang lain. Islam juga satu-satunya ajaran yang direhdai oleh Allah SWT. Buya Hamka dalam Tafsir Al-Azhar menjelaskan bahawa sempurnanya Islam di sini ialah secara keseluruhan. Baik berkenaan dengan tuntunan aqidah, cara beribadah, menegakkan syariat, muamalat, hingga kepada urusan munakahat. Oleh sebab itu Saidina Umar RA menangis ketika turunnya ayat ini. Hakikatnya beliau menyedari bahawa tugas Rasulullah SAW telah selesai dan hampirnya waktu Baginda dipanggil menghadap Allah SWT.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Dari pelaksanaan ibadah haji, kita dapat mengambil beberapa pengajaran:

**Pertama: sebelum pelaksanaan**, aspek kemampuan (*istito'ah*) merupakan suatu perkara asas yang mesti dipenuhi oleh setiap muslim. Kemampuan ini merangkumi antaranya seseorang itu mestilah mampu untuk menanggung perbelanjaan dan nafkah pergi dan balik untuk dirinya serta tanggungan yang ditinggalkan. Mempunyai kenderaan pergi balik selain dari perjalanan yang aman. Kesihatan tubuh badan serta ada kesempatan masa juga diambil kira oleh Islam.

**Kedua: Semasa pelaksanaan**, setiap *manasik* haji yang dilakukan menuntut kepada kekuatan fizikal dan mental. Ibadat haji menuntut kepada pengorbanan tenaga, masa dan perbelanjaan banyak yang dikumpulkan bertahun-tahun, bahkan ia berkehendakkan seseorang itu menanggung perpisahan dengan keluarga, sanak saudara, sahabat-handai, harta kekayaan dan kampung halaman serta menahan kemahuan-kemahuan nafsu semasa dalam ihram.

Hasil daripada itu, falsafah pelaksanaan ibadah haji ialah *rehlah ruhaniah* atau perjalanan suci berbanding perjalanan yang lain yang tercatat dalam sejarah. Ia juga bukan seperti melancong tetapi perjalanan ini mempunyai pelbagai hikmah, faedah dan kelainan yang boleh diambil. Ibadat haji selain daripada berfungsi mensucikan dosa-dosa, ia juga merupakan bekalan yang tepat menuju akhirat. Sesungguhnya mereka sanggup berkorban harta benda, wang dan jiwa raga untuk memperhambakan diri dengan sebenarnya kepada Allah SWT, mereka tergolong dalam golongan yang mendapat petunjuk dan hidayah serta ketinggian martabat iman di sisi Allah SWT.

Renungkanlah firman Allah SWT:

وَأَذِنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجَّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجَّ عَمِيقٍ ۝

**Maksudnya:** “Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari pelbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh”. (**Surah al-Hajj ayat 27**)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَلِهٖ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ۔  
 أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ۔  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا يَاهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً۔  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ۔  
 وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنْهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ۔  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ۔  
 اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةً مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُعَثِّرْ مِنْهَا مُولِيَا سَرِي قُدوَّكَ بِكِينِدا يُعَثِّرْ دُقْرُتوَانَ اكْنُوَغَ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهَ بْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجَ أَحْمَدَ شَاهَ الْمُسْتَعِنِ بِاللَّهِ۔  
 وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يُعَثِّرْ مِنْهَا مُولِيَا سَرِي قُدوَّكَ بِكِينِدا رَاجِ فِرْمَا يُسُورِي اكْنُوَغَ، تُونِكُو حاجَهَ عَزِيزَهَ أَمِينَهَ مِيمُونَهَ إِسْكَنْدَرِيهَ بَنْتَ الْمَرْحُومِ الْمُتُوكِلَ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَنْدَرَ الْحَاجَ۔  
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عَلِمَاءَهُ وَوزَرَاءَهُ وَقَضَاهُهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ۔

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّنْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفُعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَقْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkau yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ..  
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.